

14 SEP 1998

KOMANWEL : DR MAHATHIR LAWAT STADIUM BOLA JARING

KUALA LUMPUR, 14 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meluangkan masa untuk melawat Stadium Juara di Bukit Kiara, iaitu gelanggang bagi acara bola jaring Sukan Komanwel ke-16.

Perdana Menteri tiba pada 4.30 petang dan disambut oleh Presiden Persatuan Bola Jaring Malaysia, Norminsyah Sabirin.

Selain diberi taklimat oleh Norminsyah, beliau juga meninjau kemudahan yang disediakan di stadium itu.

-- BERNAMA

AZH MAI